

24/11/1999

Bekas MB masih diterima rakyat

KANGAR, Selasa - Bekas Menteri Besar, Tan Sri Abdul Hamid Pawanteh, yang juga calon Barisan Nasional (BN) bagi Parlimen Kangar, membuktikan dirinya masih diterima rakyat.

Ceramah politiknya di Taman Bunga Padi, di sini, malam tadi, yang turut disertai bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Radzi Syeikh Ahmad, mendapat sambutan menggalakkan.

Kira-kira 100 orang yang menghadiri ceramah itu kelihatan memberi tumpuan penuh terhadap penerangan oleh kedua-dua tokoh terbabit, selain diberi peluang mengajukan sebarang soalan berhubung tohmahan pembangkang.

Beberapa penyokong pembangkang yang memerhati dan mendengar ceramah itu dari seberang jalan juga diajak turut serta mereka tidak menolak pelawaan itu.

Radzi yang juga Pengurus Gerak Kerja BN Parlimen Kangar menggunakan bahasa `kampung' menyebabkan ucapannya mudah diterima pendengar.

Beliau menjelaskan secara terperinci mengenai fitnah pembangkang kepada kerajaan, termasuk Putrajaya yang dilaporkan parti lawan sebagai pembaziran manakala Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membina mahligai di situ.

"Beritahu saya kenapa mesti benci Dr Mahathir, beliau bukan kaki betina, kaki arak atau tahi judi.

"Kalau kita menilai beliau dengan rasional, membaca akhbar serta menonton televisyen, saya yakin kita semua sedar Dr Mahathir adalah seorang pemimpin hebat dan perlu terus diberi sokongan," katanya.

(END)